



SEMBAH ALU-ALUAN

**YANG BERHORMAT
PENGIRAN DATO SERI SETIA
HAJI MOHAMMAD TASHIM BIN PENGIRAN HAJI HASSAN
MENTERI HAL EHWAL UGAMA**

**DI MAJLIS
SAMBUTAN MAULUD NABI MUHAMMAD
SHALLALLAHU 'ALAIHI WASALLAM PERINGKAT NEGARA
TAHUN 1448 HIJRAH**

**HARI SELASA
12 RABIULAWAL 1448H / 25 OGOS 2026M**

**BERTEMPAT
DI TAMAN HAJI SIR MUDA HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDEN
BANDAR SERI BEGAWAN**

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Her&

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ،
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. وَبَعْدَ

Mengadap Kehadapan Majlis,

Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan
Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah
Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien
Sa'adul Khairi Waddien,
Sultan dan Yang Di-Pertuan
Negara Brunei Darussalam

Ampun Beribu Ampun,

1. Dengan penuh hormat dan ta'zim, hamba Kebawah Duli Tuan Patik mewakili
 - sekalian ahli Jawatankuasa Tertinggi Majlis Sambutan Hari-Hari Kebesaran Islam Peringkat Negara Tahun 1448 Hijrah; dan
 - Pengendali bersama Kementerian Hal Ehwal Ugama bagi majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Shallallahu 'Alaihi Wasallam Peringkat Negara Tahun 1448 Hijrah ini, iaitu:
 - Jabatan Perdana Menteri
 - Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri; dan
 - Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Brunei,

Dengan penuh rasa kesyukuran ke hadhrat Allah Subhanahu wa Ta'ala, sukacita merafa'kan sembah menjunjung kasih atas limpah kurnia perkenan Kebawah Duli Tuan Patik berangkat bercemar duli ke Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Shallallahu 'Alaihi Wasallam Peringkat Negara pada pagi yang berbahagia ini, dan seterusnya berkenan mengepalai perarakan nanti.

2. Sesungguhnya, keberangkatan Kebawah Duli Tuan Patik ke perhimpunan dan perarakan ini amat besar maknanya dalam menyerikan Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Shallallahu 'Alaihi Wasallam pada pagi ini.
3. Abis hamba Kebawah Duli Tuan Patik sekalian dengan penuh rasa syukur mendoakan semoga Kebawah Duli Tuan Patik beserta Kerabat Diraja sentiasa dikurniakan kesihatan dan keafiatan yang berpanjangan, kebahagiaan yang berkekalan serta selamat dan sejahtera di bawah inayah dan perlindungan Allah Subhanahu wa Ta'ala.

Ampun Beribu Ampun,

4. Alhamdulillah, pada pagi yang penuh keberkatan ini kita sekali lagi dikurniakan kesempatan untuk berhimpun bagi memperingati kelahiran Junjungan Besar Nabi Muhammad Shallallahu 'Alaihi Wasallam.

5. Disembahkan bahawa tema Sambutan Maulud Nabi Muhammad Shallallahu 'Alaihi Wasallam Tahun 1448 Hijrah ialah **"Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wasallam Suluh Aqidah"**.
6. Sambutan Maulud Nabi Muhammad Shallallahu 'Alaihi Wasallam ini selain untuk memperingati kelahiran junjungan besar kita Baginda Shallallahu 'Alaihi Wasallam, ia juga menjadi wadah memperbaharui kesedaran umat terhadap teras risalah Baginda, iaitu menegakkan tauhid, membimbing manusia kepada aqidah yang benar dan menyeru mereka supaya mengabdikan diri hanya kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala. Pada tahun ini, tema **"Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wasallam Suluh Aqidah"** dipilih, bagi mengajak kita untuk terus menghayati bahawa Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wasallam ialah suluh petunjuk yang membawa manusia keluar daripada kegelapan kesesatan menuju cahaya hidayah Allah.
7. Firman Allah Subhanahu wa Ta'ala dalam Surah al-Ahzab ayat 21:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا

Mafhumnya:

Demi sesungguhnya pada diri Rasulullah itu ada contoh yang baik bagi orang yang mengharapkan (keredhaan) hari Akhirat serta banyak berzikir mengingat Allah.

8. Ayat ini menegaskan bahawa Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wasallam ialah teladan dan suluh yang paling sempurna bagi seluruh umat manusia. Qudwah Baginda terpancar melalui akhlak, keperibadian dan seluruh sunnah Baginda 'Alaihi Wasallam. Berpandukan wahyu, Baginda menyeru dan membimbing manusia untuk beriman kepada Allah Ta'ala dan aqidah yang benar. Da'wah Baginda pula dilaksanakan dengan hikmah, ilmu, ihsan dan kasih sayang.
9. Di Negara Brunei Darussalam, pendekatan da'wah Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wasallam terus dijadikan panduan utama dalam pembinaan umat dan negara. Usaha da'wah bukan sahaja menyampaikan ajaran Islam, malah menerangi kefahaman, memperteguh aqidah dan membimbing masyarakat agar berpegang teguh kepada al-Qur'an dan as-Sunnah menurut pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Ampun Beribu Ampun,

10. Disembahkan bahawa dianggarkan seramai 5,435 peserta daripada 102 buah pasukan menyertai perhimpunan dan perarakan di peringkat Negara pada pagi ini. Penyertaan tersebut dibahagikan kepada lima kategori, iaitu:

- **Kategori Pasukan Utama**

Terdiri daripada 10 buah Pasukan, melibatkan Pejabat KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang DiPertuan Negara Brunei Darussalam, pasukan-pasukan beruniform, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan Badan-Badan Kebajikan yang terdiri dari Majlis Kesejahteraan Orang Kelainan Upaya dan Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam

- **Kategori Kementerian-Kementerian**

Terdiri daripada 16 buah Pasukan, melibatkan Jabatan Perdana Menteri, Kementerian-Kementerian serta badan-badan berkanun.

- **Kategori Institusi Pengajian Tinggi, Sekolah Menengah, Sekolah Arab dan Sekolah Menengah Swasta**

Terdiri daripada 31 buah Pasukan.

- **Kategori Kampong dan Masjid**

Terdiri daripada 13 buah Pasukan, yang merangkumi masjid, balai ibadat dan Majlis Perundingan Mukim dan Kampung.

- **Kategori Persatuan dan Sektor Swasta**

Terdiri daripada 32 buah Pasukan, yang merangkumi persatuan, pertubuhan, institusi kewangan serta badan korporat dan syarikat swasta

11. Dihasratkan melalui penyertaan pelbagai lapisan masyarakat ini, majlis perhimpunan dan perarakan pada pagi ini dapat menyuburkan keinsafan dan kecintaan kepada Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wasallam serta mengukuhkan ketaatan kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala.

12. Disembahkan jua bahawa sebagaimana yang telah menjadi amalan saban tahun di negara ini, Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam tidak hanya tertumpu pada acara kemuncak pada pagi ini. Alhamdulillah, sepanjang bulan Rabiulawal, kita senegara diserikan dengan pelbagai acara keagamaan. Keindahan ini amat dirasakan khususnya pada 12 malam pertama dan bahkan sehingga penghujung bulan Rabiulawal. Laungan selawat bergema di semua masjid, surau dan balai ibadat di keempat-empat daerah dan malah di rumah-rumah persendirian. Ini termasuk mengadakan majlis-majlis ilmu dan ceramah. Kementerian dan jabatan, insitusi pendidkkan, pasukan keselamatan, persatuan, pertubuhan, badan korporat, ahli takmir, belia masjid serta masyarakat kampung semuanya turut mengambil bahagian. Istana Nurul Iman turut diserikan dengan majlis keagamaan dan persembahan dikir oleh pelbagai agensi dan persatuan. Amalan ini, bukan sekadar menyemarakkan sambutan, bahkan menjadi tanda hidupnya syiar Islam, eratnya ukhuwah persaudaraan dan suburnya rasa cinta kepada Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wasallam.

13. Maka semarak ini memberikan makna yang nyata kepada tema **“Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wasallam Suluh Aqidah”**, kecintaan kepada Baginda bukan sekadar disebut, tetapi dihidupkan melalui ilmu, selawat, amal dan akhlak dan hidup yang harmoni.

Ampun Beribu Ampun,

14. Selaras dengan visi Kementerian Hal Ehwal Ugama **“Memperkasa Perkhidmatan Ugama Yang Berkualiti Dan Berinovatif”**, usaha memperkukuh pendidikan ugama dan da'wah digerakkan secara berterusan. **Program Keagamaan Senegara**, misalnya, melibatkan murid dan guru sekolah ugama dan Arab di seluruh negara melalui penghayatan al-Quran, selawat, tahlil, zikir dan Hari-Hari Kebesaran Islam. Pelaksanaanya akan terus diperkukuh dan dipantau agar tidak berakhir sebagai acara semata-mata, tetapi benar-benar membentuk kefahaman, amalan dan akhlak.
15. Di samping itu, golongan belia terus dibimbing dan diberikan ruang untuk turut menggerakkan kegiatan masjid dan da'wah. Program-program seperti **Masjid Tour, Mari Imarahkan Masjid dan 'Ilm Series** merupakan antara wadah da'wah, pengimaran masjid dan pembangunan belia yang membina generasi berilmu, berakhlak dan bersedia memikul amanah.

16. Dalam masa yang sama, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan melalui Pusat Pengkajian Kefahaman Ahli Sunnah Waljama'ah, terus memperluas pemahaman masyarakat mengenai pegangan Ahli Sunnah Waljama'ah. Kuliah bulanan dan nadwah dilaksanakan untuk warga Perkhidmatan Awam, institusi pendidikan, institusi masjid dan masyarakat umum. Ini termasuk melalui wadah ilmiah seperti Seminar Antarabangsa Kefahaman Aqidah dan Pemikiran Semasa (SAKAPES).
17. Kesemua usaha ini adalah komitmen kementerian untuk terus memperkasa perkhidmatan ugama, membentuk kefahaman yang benar, aqidah yang teguh dan akhlak yang nyata dalam kehidupan, selaras dengan hasrat negara yang meletakkan Islam sebagai teras pembangunan.

Ampun Beribu Ampun,

18. Sebelum mengakhiri sembah alu-aluan ini, semoga Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam ini terus menyuburkan kecintaan umat Islam kepada Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wasallam dengan memperbanyakkan selawat, menghayati sirah, meneladani akhlak dan mengamalkan sunnah Baginda Shallallahu 'Alaihi Wasallam. Dan semoga semangat kecintaan yang disemarakkan melalui dikir, selawat dan perarakan ini terus berpanjangan, serta diterjemahkan dalam kehidupan berkeluarga,

pelaksanaan amanah dan pergaulan bermasyarakat, agar aqidah semakin diperkukuh, amal soleh bertambah, perpaduan terpelihara dan kehidupan negara terus diterangi oleh suluh petunjuk Baginda Sallallahu 'Alaihi Wasallam.

Ampun Beribu Ampun,

19. Demikianlah disembahkan.
20. Sebelum hamba Kebawah Duli Tuan Patik menjunjung anugeraha berundur diri, sekali lagi hamba Kebawah Duli Tuan Patik menyembahkan sembah junjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Tuan Patik atas keberangkatan Kebawah Duli Tuan Patik.
21. Hamba Kebawah Duli Tuan Patik seterusnya menjunjung perkenan bagi hamba Kebawah Duli Tuan Patik menyembahkan sembah junjung kasih atas keberangkatan Paduka-Paduka Anakanda dan Paduka-Paduka Adinda Kebawah Duli Tuan Patik:
 - Duli Yang Teramat Mulia
Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota
Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah
Menteri Kanan Di Jabatan Perdana Menteri.

- Duli Yang Teramat Mulia,
Paduka Seri Pengiran Muda Abdul Malik,
Menteri Di Jabatan Perdana Menteri.
- Duli Yang Teramat Mulia,
Paduka Seri Pengiran Muda Abdul Mateen,
Menteri Hal Ehwal Luar Negeri.
- Duli Yang Teramat Mulia,
Paduka Seri Pengiran Bendahara
Seri Maharaja Permaisura
Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah,
- Duli Yang Teramat Mulia,
Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal
Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah,

22. Seterusnya menyembahkan sembah junjung kasih atas keberangkatan:

- Yang Amat Mulia,
Pengiran-Pengiran Cheteria,

23. Seterusnya, merakamkan ucapan terima kasih atas kehadiran;

- Yang Berhormat, Menteri-Menteri Kabinet,
- Ahli-Ahli Majlis-Majlis Mesyuarat, iaitu Majlis Mesyuarat Diraja,
Majlis Mesyuarat Ugama Islam dan Majlis Mesyuarat Negara,
- Yang Mulia,

Timbalan Menteri;
Tetamu-Tetamu Kenamaan lainnya;
Tuan-Tuan Yang Terutama Duta-Duta, Pesuruhjaya-
Pesuruhjaya Tinggi dan Diplomat-Diplomat Negara-Negara
Sahabat;
Dhif-Dhif yang dihormati;
Dan para jemputan sekalian.

24. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih juga dirakamkan kepada semua kumpulan dan peserta yang hadir menyertai dan memeriahkan perhimpunan serta perarakan ini. Serta kepada semua pihak yang telah mengungkayahkan dan menjayakan majlis yang berkebakikan ini sejak awal hingga akhir.
25. Semoga segala usaha dan khidmat bakti yang dicurahkan diterima sebagai amal soleh serta dikurniakan ganjaran berlipat ganda di sisi Allah Subhanahu wa Ta'ala.
26. Pada mengakhiri sembah alu-aluan ini, Hamba Kebawah Duli Tuan Patik dengan rendah diri menyembahkan berbanyak-banyak menjunjung ampun bagi sebarang susun sembah dan suruk langkah yang tiada majalis dalam Sambutan Maulud Nabi Muhammad Shallallahu 'Alaihi Wasallam Peringkat Negara Tahun 1448 pada pagi ini.
27. Sekian.

وَاللَّهُ وَلِيُّ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ
وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

28. Hamba Kebawah Duli Tuan Patik Menjunjung Anugeraha.

- Yang Berhormat Pengiran Dato Seri
Setia Haji Mohammad Tashim bin
Pengiran Haji Hassan
Menteri Hal Ehwal Ugama

*Pejabat Menteri Hal Ehwal Ugama
12 Rabiulawal 1448 / 25 Ogos 2026*